

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [ LAHAD DATU ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan potensi pelaburan di Lahad Datu dan usaha-usaha yang dibuat Kementerian bagi menarik minat pelabur asing ke sini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa dari tahun 1980 sehingga tahun 2020, jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan dilaksanakan di Lahad Datu khususnya adalah sebanyak RM2.5 bilion, terdiri daripada 66 buah projek dalam sektor perkilangan yang mana ianya menjana 5,402 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, RM1.1 bilion atau 44 peratus adalah merupakan pelaburan langsung asing dan RM1.4 bilion atau 56 peratus merupakan pelaburan tempatan. Projek-projek utama yang dilaksanakan dengan penglibatan pelaburan asing dan tempatan adalah di dalam industri kimia dan barang kimia, pengilangan makanan, kayu dan barang kayu.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mendapati bahawa industri-industri yang berpotensi untuk dibangunkan di Lahad Datu adalah seperti berikut:

- i. industri hiliran kelapa sawit, biojisim dan biogas. Sektor ini berpotensi untuk memberikan impak yang besar ke atas pembangunan di Lahad Datu berikutan kedudukan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) yang terletak di sana. POIC merupakan pusat penanaman kelapa sawit di Sabah dengan keluasan sekitar 1.55 juta hektar dan lokasi kepada 128 buah kilang kelapa sawit dan berfungsi sebagai pemangkin dalam pertumbuhan industri minyak sawit di rantau ini;
- ii. aktiviti berkaitan pelabuhan dan logistik. Lahad Datu mempunyai kemudahan zon perdagangan bebas, *bonded warehouse*, tempat penyimpanan sejuk beku, pemprosesan makanan, serta penampungan minyak dan gas. Selain daripada itu, terdapat juga kemudahan pelabuhan bersepadu di POIC yang terdiri daripada Terminal Pukal Kering, Terminal Pukal Cecair, Terminal Kontena, Dermaga Tongkang dan Terminal Pukal;

- iii. industri petrokimia seperti kilang penapisan, penyimpanan dan pengedaran minyak. Lahad Datu mempunyai kemudahan pelabuhan bersepadu di POIC seperti terminal cecair, kering, kontena dan tongkang yang dapat memudahkan pengendalian pelbagai jenis kargo dalam sektor industri petrokimia. Selain daripada itu, kawasan POIC yang luas dapat memenuhi permintaan industri pada masa hadapan, sama ada bagi tujuan pembesaran pelabuhan atau kilang dan sebagainya; dan
- iv. industri halal. POIC Lahad Datu telah diiktiraf sebagai taman perindustrian pertama berstatus HALMAS di Sabah yang telah siap dibangunkan, bersedia untuk menerima industri yang berasaskan halal. Selain daripada itu, kedudukannya juga berdekatan dengan pelabuhan kontena memudahkan aktiviti pengimportan dan pengeksportan.

Kerajaan melalui MITI, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) sentiasa bekerjasama secara strategik dengan pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi yang berkaitan bagi melipat gandakan usaha-usaha promosi pelaburan, antaranya seperti berikut:

- i. memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu Negara Berteraskan Aspirasi Pelaburan Negara (*National Investment Aspirations - NIA*) yang merupakan pendekatan berfokus dan bersasar dalam merencanakan agenda pelaburan nasional Negara secara holistik ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi;
- ii. menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara bagi berkongsi maklumat dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem;
- iii. mengoptimumkan fasilitasi pelaburan melalui penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* di MIDA dalam membantu mempercepatkan kelulusan daripada pelbagai agensi dan pemantauan pelaksanaan projek pelaburan di pelbagai peringkat. Antaranya ialah proses kelulusan lesen

pengilang untuk industri tidak sensitif yang disingkatkan kepada dua (2) hari bekerja sahaja; dan

- iv. menawarkan insentif galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal secara selektif dalam mempromosikan industri strategik yang disasarkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), iaitu tiga (3) subsektor pemangkin (kimia; elektrik dan elektronik; serta mesin dan peralatan) dan dua (2) sektor berpotensi tinggi (peranti perubatan dan aeroangkasa).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing dan domestik yang berkualiti tinggi ke seluruh negeri di Malaysia yang turut mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan. Usaha ini dapat mempercepatkan pemulihan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.